

Perkosa remaja 13 tahun

Metro 22/2/12 MS 2A.

Pekerja swasta dihukum penjara lima tahun



MAHKAMAH

>>Oleh Syanty Octavia Amry
soctavia@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Seorang pekerja swasta dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas didapati

bersalah atas tuduhan merogol remaja bawah umur yang baru dikenalnya di sebuah rumah di Puchong, tiga tahun lalu.

Hakim Balqis Aini Mohd Ali membuat keputusan itu terhadap Leong Foo Hoo, 26, selepas berpuas hati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Sepanjang perbicaraan, lapan saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan tampil

memberi keterangan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol mangsa yang berumur 13 tahun ketika itu di sebuah rumah di Taman Kinrara, Puchong, di sini, antara jam 7.30 pagi hingga 2.30 petang, pada 4 Ogos 2009.

Bagi perbuatan itu dia didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.



BERSALAH...Leong failkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Terdahulu, Leong yang diwakili peguam bela S Ramesh memohon hukuman ditangguhkan bagi memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi dan wang jaminan RM10,000 dikekalkan berikutan sepanjang 31 kali kes dibicarakan tertu-

duh menghadirkan diri.

Hakim Balqis Aini membenarkan permohonan penangguhan manakala wang jaminan dikekalkan.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Zhafran Rahim Hamzah.